

Headline **Program atasi masalah global**
Date **09 Aug 2009**
MediaTitle **Sinar Harian**
Section **Selangor & KL**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
ADValue **1,271**

Language **Malay**
Page No **S28**
Article Size **231 cm²**
Color **Full Color**
PRValue **3,812**



Program atasi masalah global

SUBANG JAYA – Masalah global yang melanda dunia sekarang semakin membimbangkan terutamanya penindasan golongan tertentu, peperangan, virus HIV dan juga masalah kemiskinan.

Disebabkan perkara itu, Persatuan Kolej Universiti Taylor's Model Pertubuhan Bangsa Bersatu (Taymun) mengadakan program kesedaran kepada golongan muda terutamanya pelajar untuk membantu mengatasi perkara berkenaan.

Naib Canselor Kolej Universiti Taylor's, Prof Datuk Dr Hassan berkata, program itu dikenali sebagai Conference 2009 disertai seramai 80 pelajar sekolah menengah dan kolej sekitar Selangor dan juga Kuala Lumpur.


Menurutnya, dengan adanya program berkenaan ia akan memberikan kesedaran akan kepentingan untuk membantu mereka yang dalam kesusahan.

"Sebagai golongan yang berada di negara yang aman, damai serta tiada peperangan dan tiada masalah kemiskinan sepatutnya membantu mereka yang berada di dalam masalah ini.

"Masalah global yang semakin meruncing ini sepatutnya ditangani semua pihak bagi mengatasinya," katanya.

Turut hadir, wakil kedutaan Kanada di Malaysia, David B Collins.

Hassan menyatakan,



Collins menyokong usaha dilakukan Taymun memberikan kesedaran akan kepentingan untuk membantu mereka yang dalam kesusahan.

masalah utama yang menghantui dunia sekarang ialah penindasan golongan tertentu kepada mereka yang lemah dan juga peperangan.

Menurutnya, kesedaran yang amat mendalam amat perlu bagi memastikan peranan mereka di masa akan datang untuk membantu mereka yang amat memerlukan ini tidak kira di mana mereka berada dan juga apa jua bangsa mereka.

"Bantu-membantu amat perlu bagi membuatkan semua yang ada di dunia ini mendapat hak kebebasan yang sepatutnya mereka peroleh seperti manusia yang lain di dunia ini.

"Penindasan dan pen-

cabulan hak asasi dunia ini perlu ditangani dengan segera bagi mereka yang mengalaminya ini dapat keluar daripada masalah yang mereka hadapi dengan segera.

"Begitu juga dengan pesakit AIDS dan HIV mereka ini sepatutnya perlu mendapat perlindungan daripada mereka yang sihat dan penyakit atau virus ini juga perlu dikawal supaya tidak merebak dengan langkah pencegahan perlu dilakukan," katanya.

Pihak Taymun berharap dengan adanya program seperti itu dapat memberikan kesedaran kepada golongan muda supaya tidak mementingkan diri selain dapat membantu mereka yang dalam kesusahan.